

(R)

**KONSEP KESAKSIAN WANITA DALAM UNDANG-  
UNDANG KETERANGAN:  
Perbandingan Antara Mahkamah Syariah  
dan Mahkamah Sivil Di Kota Bharu, Kelantan**

**WAN NOR AINON BT WAN ABDULLAH**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**



**KONSEP KESAKSIAN WANITA DALAM UNDANG-  
UNDANG KETERANGAN:  
Perbandingan Antara Mahkamah Syariah  
dan Mahkamah Sivil Di Kota Bharu, Kelantan**

**WAN NOR AINON BT WAN ABDULLAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**

## M O T T O

Maka bersaksilah kamu,

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ

Tiada Tuhan Melainkan Allah, Muhammad Utusan Allah

Justeru,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءُ اللَّهِ وَلَا  
عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أُوْلَئِنَّ الَّذِينَ وَالْأَقْرَبَينَ

Maksudnya;

Hai orang-orang yang beriman, hendaklah tegakkan keadilan serta menjadi saksi kerana Allah walau ke atas dirimu sendiri atau ibubapamu dan kaum kerabatmu.

Surah al-Nisā' (4): 135

JUMAAT 18MUHARRAM1425/26MAC2004

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti keupayaan wanita menjadi saksi dalam prosiding kehakiman. Kelayakan tersebut dilihat dari dimensi *fiqh Islāmi* dalam pelbagai kes yang dipertikaikan oleh manusia. Bagi mencapai objektif tersebut, konsep kesaksian Islam secara umum dibentangkan terlebih dahulu. Seterusnya mencari ‘illah perbezaan antara kesaksian wanita dan lelaki menurut perspektif Islam dan kajian saintifik menyentuh fitrah kejadian wanita. Perbandingan amalan kesaksian wanita dibuat di mahkamah sivil dan mahkamah syariah bertujuan mendapatkan gambaran yang praktikal terhadap teori kesaksian mereka. Kajian turut mengemukakan prinsip-prinsip umum dan khusus yang mempunyai korelasi dengan tajuk.

## **ABSTRACT**

This research is an effort to identify women capability as witnesses. This capability and qualifying values are derived from the *fiqh* dimension and illustrated by various debated cases. In order to do so, prior understanding of Islamic concept of witnesses is needed; followed by identifying differences between genders that affect the concept of witness. In order to clearly illustrate theories of women witnesses, studies on the practicality in both *syariah* and civil courts were performed in detail. The research also includes the general and specific principles related to the topic.

بسم الله الرحمن الرحيم

## ملخص البحث

هذا البحث جهد لحل وتفصيل مكانة المرأة كـ"شاهدة". ويقصد في معرفة قدرة المرأة لكون شاهدة في إجراءات المحاكمة. وتلاحظ تلك الأهلية والقدرة من مدى الفقه الإسلامي في مختلف القضايا التي يختلف فيها الإنسان. ولنيل ذلك الهدف، فلا بد أولاً أن تفهم الفكرة العامة للشهادة في قانون المرافعات الإسلامية بشكل عام ، ومن ثم يبحث عن منبع الاختلاف بين شهادة المرأة وبين شهادة الرجل في النظر الإسلامي وعبر بحث علمي في فطرة خلق المرأة. وللحصول على تصور أوضح عن نظريات شهادة المرأة، عمل استقصاء عملي بناء على القضايا الحادثة في محاكم الوضعي ومحاكم الشرعي.

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين، الصلاة والسلام على رسوله الأمين وعلى آله وأصحابه أجمعين

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas segala nikmat dan limpah kurniaNya, belas kasihanNya, pertolonganNya dan motivasi daripadaNya sehingga penulis tiba juga ke penghujung penulisan ini.

*Jazākumullāh khayr al-Jazā'* ditujukan kepada Prof. Madya Ustaz Md. Salleh Haji Md. @ Haji Ahmad selaku penyelia kepada disertasi ini di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kerjasama, sokongan dan saranan yang diberikan. Keikhlasan dan kesabaran yang diperlihatkan dalam sumbangan yang dicurahkan amat berharga buat penulis sehingga memberi semangat kepada penulis untuk menyiapkan penulisan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga khusus buat *zawjī al-makhbūb*; Dr. Zakuan Zainy Deris, yang telah memberikan perhatian, galakan, kerjasama dan pengorbanan dalam setiap sudut yang tiada nilainya buat penulis merealisasikan disertasi ini. Tidak lupa juga buat permata hati Ummi; Abbas, Azzam dan Aziz. Semoga Allah memelihara iman anakanda sebagaimana Dia memelihara iman *Aṣḥāb al-Kahf*.

Buat Ma, Abah, Mak dan Allahyarham Ayah; Kujunjung kasih dan jasamu dengan bingkisan doa: "Ya Allah! Ampunilah dosa kedua ibu bapa kami!"

*Kasihilah kedua ibubapa kami sebagaimana mereka menyayangi kami semasa kecil kami... ”.*

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih penulis persembahkan kepada semua staf di Jabatan Fiqh dan Usul, Pejabat Ijazah Tinggi APIUM, IPSP, Mahkamah Syariah Kota Bharu, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi Sivil Kota Bharu dan perpustakaan-perpustakaan yang penulis kunjungi di atas segala kerjasama yang diberikan sehingga memudahkan penulis berurusan dan mendapatkan data-data yang diperlukan.

Tidak lupa juga ucapan *jazākumullāh khayr* kepada guru yang menjadi tempat rujuk penulis; Ustaz Wan Shamsuri, Ustaz Asri, Ustaz Shukeri Mohamad dan Kak Fariza serta mereka yang terlibat secara langsung/ tidak langsung dalam meringankan urusan dan tanggungjawab penulis terutama Kak Norliza Ghazali, Kak Yah, Siti, Pipah, Kak Cik, Kak Lang, Radiah, Yuyu, Ummi dan lain-lain yang tidak tersebut namanya di sini. Semoga Allah senantiasa memberkati kehidupan dan memperteguhkan agama kalian sehingga ke akhir hayat.

Wassalam.

*Wan Nor Ainon Wan Abdullah,*  
3064 Kg Kutan Hilir,  
16250 Wakaf Bharu,  
Kelantan.  
**19 Ramadan 1424H**  
**14 November 2003M**

## DAFTAR ISI

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Halaman Judul	i
Motto	ii
Abstrak (Bahasa Malaysia)	iii
Abstrak (Bahasa Inggeris)	iv
Abstrak (Bahasa Arab)	v
Penghargaan	vi
Daftar Isi	viii
Sinopsis Kajian	xv
Senarai Statut	xvii
Senarai Kes	xviii
Senarai Kependekan	xix
Panduan Transliterasi	xxi
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>xxii</b>
<b>A</b> Latar Belakang Kajian	xxiv
<b>B</b> Masalah Kajian	xxvi
<b>C</b> Objektif Kajian	xxvii
<b>D</b> Kepentingan Kajian	xxviii
<b>E</b> Anggapan Dasar Serta Hipotesis	xxxiv
<b>F</b> Skop Kajian	xxv
<b>G</b> Ulasan Penulisan (Review of Literature)	xxvi
<b>H</b> Metodologi Kajian	xxxiii

## **BAB I**

### **DASAR-DASAR UMUM SISTEM KEHAKIMAN ISLAM**

<b>Pendahuluan</b>	1
1 Prinsip-prinsip Umum Kehakiman Islam	2
1.1. Prinsip Aqidah Tauhid	2
1.2. Prinsip Kebenaran	8
1.3. Prinsip Keadilan	12
2 Metodologi Pembuktian Dalam Undang-undang Keterangan	13
3 Metodologi Fiqh Dalam Undang-undang Keterangan	16

## **BAB II**

### **WANITA: FAKTOR KEJADIAN DAN PERANAN**

<b>Pendahuluan</b>	31
1 Martabat Wanita Menurut Peradaban Dunia Selain Islam	32
1.1. Pengertian Jahiliyah	33
1.2. Wanita Jahiliyah Dan Ciri-cirinya	34
1.2.1. Wanita Di Kacamata Peradaban Mesir Kuno	35
1.2.2. Wanita Di Kacamata Peradaban Babylon Dan Asyur	37
1.2.3. Wanita Di Kacamata Peradaban China	39
1.2.4. Wanita Di Kacamata Peradaban Parsi	41
1.2.5. Wanita Di Kacamata Peradaban Rom	42
1.2.6. Wanita Di Kacamata Peradaban Yunani	44
1.2.7. Wanita Di Kacamata Peradaban Hindu	45
1.2.8. Wanita Di Kacamata Peradaban Kristian	47
1.2.9. Wanita Di Kacamata Peradaban Yahudi	48
1.2.10. Wanita Di Kacamata Arab Sebelum Islam	50
1.2.11. Wanita Di Alaf Baru	52
1.3. Rumusan Dan Kesimpulan	54

<b>2</b>	<b>Peranan Dan Hak-hak Asasi Menurut Perspektif Islam</b>	<b>58</b>
2.1.	Kedudukan Dan Peranan Wanita	58
2.2.	Hak-hak Wanita Islam	
2.2.1.	Hak Akidah	61
2.2.2.	Hak Ibadah	62
2.2.3.	Hak <i>Aḥwāl Syakhsiyah</i>	63
2.2.4.	Hak Muamalat	64
2.2.5.	Hak Kehakiman	64
2.2.6.	Hak Sivil Dan Jenayah	64
2.2.7.	Hak Politik	65
2.2.8.	Hak Pendidikan	65
2.3.	Beberapa Masalah Sosial	66
2.4.	Konklusi	67
<b>3</b>	<b>Fitrah Kejadian Wanita</b>	<b>67</b>
3.1.	Kejadian Wanita Menurut Ilmu Embriologi	68
3.2.	Kejadian Wanita Menurut Ilmu Fisiologi Dan Psikologi	70
3.2.1.	Perkembangan Bayi Perempuan Dari Kecil Hingga Dewasa	75
3.2.2.	Usia Pra-baligh (11- 13 tahun)	76
3.2.3.	Usia Akil Baligh (Matang)	77
3.3.	Perbezaan Antara Lelaki Dan Wanita Secara Umum	83
3.4.	Fakta Anatomi Terhadap Perbezaan Lelaki Dan Wanita	84
3.5.	Kesimpulan	87

### BAB III

#### KESAKSIAN WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

##### **Fasal I: Konsep-konsep Umum Berhubung Kesaksian Wanita**

<b>Pendahuluan</b>	<b>88</b>	
<b>1</b>	<b>Definisi <i>al-Syahādah</i></b>	<b>89</b>
1.1.	Taarif Kesaksian	90

1.2. Perbezaan antara <i>al-Syahādah</i> dan <i>al-Bayyināt</i>	97
1.3. Tabiat/Sifat Kesaksian	102
1.4. Perbezaan Antara <i>Syahādah</i> Dan <i>Riwayah</i>	109
2 Hukum Kesaksian	109
3 Rukun Kesaksian	113
4 Dalil-dalil Kesaksian.	114
5 Kepentingan Kesaksian	116
6 Hikmah Disyariatkan Kesaksian	119
7 Syarat-syarat Kesaksian	120
7.1. Syarat-syarat Penerimaan	120
7.2. Syarat - syarat Penyampaian	121
7.2.1. Syarat-syarat Am	121
7.2.2. Syarat-syarat Khusus	127
8 Illah Kesaksian Wanita Menurut Ayat 282, Surah al-Baqarah	128
<b>Fasal II: Kes-kes Kesaksian: Kedudukan Wanita Sebagai Saksi Menurut <i>Fuqahā' Salaf</i> Dan Ulama Kontemporari</b>	141
<b>1. Kes-kes 'Uqūbāt (Undang-undang Jenayah Islam)</b>	142
Pengenalan	
i) Hudud	142
ii) Qisas Dan Diat	143
iii) Takzir	145
<b>1.1. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Hudud Dan Qisas</b>	146
Pendapat Yang Rajih	168
<b>1.2. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Takzir</b>	177
1.2.1. Kes Jenayah Takzir Badani	177
Pendapat Yang Rajih	180
1.2.2. Kes Jenayah Takzir Mali	180
Pendapat Yang Rajih	184

<b>2.</b>	<b>Kes selain ‘<i>Uqūbāt</i> yang biasa dihadiri dan dilihat oleh kaum lelaki</b>	<b>186</b>
	Pengenalan	
<b>2.1.</b>	<b>Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes-kes <i>Aḥwāl Syakhsiyah</i> dan Seumpamanya.</b>	<b>187</b>
	Pendapat Yang Rajih	205
<b>2.2.</b>	<b>Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Mal</b>	
<b>2.2.1.</b>	Kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki.	210
<b>2.2.1.1.</b>	Apakah diterima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki itu setelah tidak didapati dua orang lelaki yang adil <i>atau meskipun</i> masih wujud dua orang saksi lelaki yang adil?	213
	Pendapat Yang Rajih	217
<b>2.2.2.</b>	Kesaksian wanita secara bersendirian	219
	Pendapat Yang Rajih	221
<b>2.2.3.</b>	Kesaksian Wanita Bersama Sumpah Pendakwa	222
	Pendapat Yang Rajih	228
<b>3.</b>	<b>Kes-kes yang biasanya dihadiri dan dilihat oleh kaum wanita sahaja.</b>	<b>229</b>
	Pengenalan	
	<b>Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes ‘<i>Uyūb al-Nisā’</i></b>	<b>232</b>
<b>3.1.</b>	Situasi Pertama: Keadaan yang lazim dilihat oleh wanita selain daripada penyusuan dan <i>istīḥlāl</i> berkait hukum perwarisan.	232
<b>3.2.</b>	Situasi Kedua: Penyusuan dan <i>istīḥlāl</i> dalam hal perwarisan	236
	Pendapat Yang Rajih	246
<b>3.3.</b>	Bilangan Saksi Wanita Dalam Kes Yang Lazim Dilihat Mereka	248
	Pendapat Yang Rajih	258

<b>4.</b>	<b>Jenis-jenis Kesaksian</b>	261
4.1.	Kesaksian Bersandarkan Dokumentasi	261
4.2.	Kesaksian Atas Kesaksian	267
<b>5.</b>	<b>Wanita Sebagai Penyiasat Saksi</b>	271
<b>6.</b>	<b>Sebahagian Pandangan Ulama Kontemporari Berhubung Kesaksian Wanita</b>	274
	Pendapat Yang Rajih	278
<b>7</b>	<b>Kesimpulan Umum</b>	283

## **BAB IV**

### **AMALAN KESAKSIAN WANITA DALAM UNDANG-UNDANG**

**KETERANGAN: Kajian Kes di Mahkamah Syariah dan Sivil di Kota Bharu**

<b>Pendahuluan</b>	284
<b>A. Peruntukan Kesaksian Wanita Dalam Enakmen Keterangan Islam Dan Amalannya di Mahkamah Syariah Kota Bharu.</b>	
<b>1. Mahkamah Syariah</b>	285
1.1. Profil Mahkamah Syariah Kota Bharu	287
1.2. Bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan	289
<b>2. Profil Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002</b>	292
2.1. Konsep Keterangan Dan Kesaksian Menurut EKMS 2002	293
2.2. Peruntukan Kesaksian Wanita Menurut EKMS 2002	298
2.3. Perlaksanaan Kesaksian Wanita Di Mahkamah Syariah Kota Bharu	303
<b>B. Peruntukan Kesaksian Wanita Dalam Akta Keterangan Sivil Dan Amalannya di Mahkamah Sivil Kota Bharu</b>	
<b>3. Profil Mahkamah Sivil Kota Bharu</b>	307
3.1. Bidangkuasa Mahkamah Sivil	309

<b>4.</b>	<b>Profil Akta Keterangan 1950 (Akta 56)</b>	313
4.1.	Pengenalan Kesaksian Menurut Undang-undang Keterangan Sivil	314
4.1.1.	Kelayakan Saksi	315
4.2.	Peruntukan Kesaksian Wanita Menurut Akta Keterangan 1950	317
4.3.	Amalan Kesaksian Wanita Di Mahkamah Sivil Kota Bharu	319
4.4.	Rumusan Berdasarkan Kes-Kes	327
<b>5.</b>	<b>Konklusi Umum</b>	329
 <b>BAB V</b>		333
<b>Kesimpulan, Rumusan dan Cadangan</b>		
<b>1.</b>	<b>Kesimpulan</b>	333
<b>2.</b>	<b>Rumusan</b>	348
<b>3.</b>	<b>Perkembangan Terkini Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia</b>	352
<b>4.</b>	<b>Saranan dan Cadangan</b>	353
 <b>PENUTUP</b>		358
<b>BIBLIOGRAFI</b>		360

## SINOPSIS KAJIAN

Penulisan ini dibahagikan kepada 5 bab. Dimulakan dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup.

**Bab Pertama** memperkenalkan dasar-dasar umum sistem kehakiman Islam merangkumi prinsip-prinsip asas pembuktian dalam Undang-undang Keterangan Islam. Hal ini penting dikemukakan terlebih dahulu memandangkan ianya mempunyai jalinan yang erat dengan topik yang akan dibahaskan nanti. *Taṣawwur* awal ini dapat menjernihkan minda yang kabur terhadap keunggulan sistem kehakiman Islam khususnya menyentuh kaedah kesaksian dalam Undang-undang Keterangan Islam.

**Bab Kedua** menyentuh kedudukan wanita, hak-hak dan tanggungjawab menurut perspektif Islam di samping membuat perbandingan dengan kedudukan wanita jahiliah. Fenomena aspek sejarah martabat wanita lebih menonjolkan lagi keadilan Islam dalam memberikan hak-hak kehakiman kepada wanita. Seterusnya membincangkan tentang fitrah kejadian wanita dari aspek ilmu embriologi, fisiologi, anatomi dan psikologi. Faktor-faktor ini mempengaruhi penentuan hukum terhadap nilai kesaksian wanita.

**Bab Ketiga** merupakan landasan penting kajian terbahagi kepada dua fasal. Fasal pertama memperjelaskan konsep kesaksian secara umum menyentuh kesaksian wanita menurut Undang-undang Keterangan Islam.

Konsep ini mengandungi definisi kesaksian yang turut mengulas tentang tabiat kesaksian, apakah ia termasuk dalam bidang ‘*al-Ikhbār*’ atau ‘*al-Wilāyah*’? Berikutnya diterangkan pula rukun dan hukum kesaksian, dalil-dalil serta kepentingan kesaksian dan syarat-syarat saksi. Fasal kedua menjurus kepada intipati perbahasan iaitu teori kesaksian wanita menurut perspektif Islam berbentuk perbandingan pendapat.

Ilmu tanpa amalan ibarat pohon yang tidak berbuah. Lantaran itu perlu diketahui dan disedari bahawa Islam dilahirkan bukan semata-mata untuk berteori dan berhujah tanpa praktikal dalam kehidupan seharian ummatnya. Lebih-lebih lagi Islam adalah ‘*Dīn al-ḥayāh*’ iaitu agama yang hidup serta ‘*kāmil wa mutakāmil*’ iaitu sempurna dan menyempurnakan. Sayang sekali kiranya benih yang baik tidak disirami dan dibajai dengan baik. Menyedari hakikat ini, bagi **Bab Empat** penulis mengambil inisiatif untuk melihat serta meneliti sejauh manakah amalan kesaksian wanita direalisasikan dalam konteks perundangan kita hari ini.

Akhir sekali rumusan dan cadangan-cadangan dikemukakan di dalam **Bab Kelima**.

## **SENARAI STATUT**

Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91)

Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92)

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984

Al-Ahkam Al-'Adliyah: Undang-Undang Sivil Islam, Md. Akhir Haji Yaacob (terj.)(1991), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993, Kelantan

Kelantan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002

Perlembagaan Persekutuan (Mengandungi pindaan sehingga 10 Januari 2002)

## **SENARAI KES**

## SENARAI KEPENDEKAN

AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
b.	Bin
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
Bil.	Bilangan
bt.	Binti
c.	Cetakan
CLJ	Current Law Journal
DBP	Dewan Bahasa & Pustaka
Dr.	Doktor
EKJS [II] 1993	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993
EKMS 1991	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991
h.	Halaman
ibid.	ibidem (rujukan sama seperti tersebut sebelumnya)
IIITM	The International Institute of Islamic Thought
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IPSP	Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan
j.	Jilid
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSN	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
JKSNK	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
k.w	<i>Karram Allāh wajhah</i>
lwn	Lawan
OKT	Orang kena tuduh
op.cit	opera citato (pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya tetapi halamannya berbeza dan diselangi dengan rujukan lain)
P.P	Pegawai Pendakwaraya
Prof.	Profesor
PUM	Persatuan Ulama Malaysia

S.A.W	<i>Salla Allāh 'Alayhi Wa Sallam</i>
S.W.T	<i>Subḥānahu Wa Ta'ālā</i>
T.P	Tanpa Penerbit
t.t	tanpa tarikh
T.T.P	Tanpa Tempat Penerbit
terj.	Penterjemah
TPM	Timbalan Perdana Menteri
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
Y.A	Yang Arif
Y.A.A	Yang Amat Arif

## PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا، ئ	a, ' (Hamzah)	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sy	ؤ	y
ص	ṣ	ئ	h
ض	ḍ		

Vokal Panjang		Vokal Pendek	Diftong		
ا	آ	--- (fatḥah)	ا	أو	aw
و	ۈ	ۇ (dammah)	ۇ	أى	ay
ى	ې	ې (kasrah)	ې	ؤ	iy/i
				و	uww

\* “ ل ” و ” (Alif Lām) ditransliterasikan sebagai al yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang. Contoh: al-futūḥāt al-makkiyyah.

CATATAN: Panduan ini dikeluarkan oleh “ Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (2001)”, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

# **PENDAHULUAN**

## PENDAHULUAN

Pembunuhan Qabil terhadap adindanya Habil menjadi sejarah permulaan kes jenayah di dunia. Peristiwa ini juga memberi peringatan kepada manusia bahawa akan tetap berlaku permusuhan, perbalahan, perebutan dan perselisihan faham di kalangan Bani Adam yang didalangi oleh musuh Allah dan musuh manusia serta jin iaitu iblis. Akibat daripada permasalahan ini, Allah yang mengetahuinya sejak azali lagi telah menyediakan prinsip-prinsip asas untuk menyelesaikan sesuatu perkara serta menggubal undang-undang yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia lelaki dan wanita tanpa perlu mereka mencipta undang-undang sendiri. Malangnya ummah hari ini yang kebanyakannya menghadapi penyakit jahil dan lemah aqidah begitu ghairah mengambil sistem-sistem selain Islam untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Islam sebagai manhaj kehidupan yang sempurna telah menggariskan dasar umum di dalam syariatnya iaitu “*Lijalb al-Maṣāliḥ wa Dar’ al-Mafāsid*” – untuk merealisasikan kemaslahatan dan menolak kerosakan. Dalam hal ini syariat Islam telah mengemukakan ilmu *al-Qadā’* atau kehakiman sebagai rujukan asasi dalam menyelesaikan sebarang pertikaian. Oleh kerana kehakiman merupakan keputusan muktamad di dalam merealisasikan hak dan menjaminnya supaya dapat dinikmati oleh pemiliknya, maka Islam telah meletakkan kaedah dan peraturan untuk menghalang orang yang rosak jiwanya daripada melampau dan bermaharajalela disamping menjaga ummat daripada dipersia-siakan dan dizalimi.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto (Dr.)(1995), *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Ustaz Haji Mohd Asri b. Haji Hashim et al (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 379.

Sebaik-baik contoh kepada perkara ini ialah maksud hadis yang menjadi dasar kaedah keterangan Islam iaitu yang berbunyi ; Daripada Ibn ‘Abbās r.a, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

*”Kalaular manusia diberi (apa sahaja) dengan semata-mata dakwaan mereka, nescaya akan ada sebahagian manusia mendakwa mempunyai hak terhadap harta dan darah kaum yang lain. Oleh kerana itu pendakwa hendaklah mendatangkan keterangan dan orang yang mengingkari hendaklah bersumpah”*<sup>2</sup>

Hadis ini mensyaratkan hujjah yang kukuh, relevan dan mampu menolak sebarang unsur syubhat bagi memastikan kebenaran tuduhan dan kemestian beramal dengannya. Hadis ini juga menetapkan apakah hujjah/keterangan yang mesti dikemukakan oleh pendakwa dan tertuduh, yang mana dengannya hakim dapat mengetahui kebenaran serta mengeluarkan hukum berdasarkan hujjah tersebut.<sup>3</sup>

‘*Turuq al-Ithbāt*’ atau kaedah-kaedah keterangan yang telah digariskan oleh Islam ialah ‘*al-Syahādah*’ (kesaksian), ‘*al-Yamīn*’ (sumpah), ‘*al-Iqrār*’ (pengakuan) dan ‘*al-Qarā'in*’ (petunjuk zahir yang boleh dikaitkan dengan sesuatu yang tersembunyi). Dalam hal ini kesaksian merupakan kaedah terpenting untuk mensabitkan satu-satu kes sehingga ianya dijelaskan secara khusus melalui firman-firman Allah S.W.T di dalam kes-kes tertentu, yang mana ia dijadikan asas analogi kepada kes-kes yang tidak disebut oleh nas. *Fiqh* keterangan Islam menghuraikan secara terperinci berkenaan kesaksian serta kelayakan menjadi saksi, lafaz kesaksian, keadaan saksi dan lain-lain.

<sup>2</sup> *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā, Bāb al-Bayyinah ‘alā al-Mudda’i wa al-Yamīn ‘alā al-Mudda’ā* ‘alayh, no. hadis 21667, h. 393. Muhammad b. Ismā‘il al-Šan‘āni (1995), *Subul al-Salām syarḥ Bulūgh al-Marām min jam'i adillah al-akhākām*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 1940. Kitāb al-Qaḍā’, Bāb al-Da‘awā wa al-Bayyināt, no. hadis 1325/1.

<sup>3</sup> Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto (Dr.)(1995), *op.cit.*, h. 379-380.

Islam melihat tabiat wanita itu mudah dan cepat terpengaruh kepada emosi dan sentimen yang mungkin melencongkan kedudukan kes yang sedang dibicarakan. Maka dengan itu di dalam sesetengah kes, Islam menetapkan kesaksian dua orang wanita agar apabila keterangan salah seorang saksi tidak tepat, maka yang seorang lagi dapat membetulkannya. Namun demikian, kesaksian seorang wanita masih diterima dan dipegang oleh mahkamah apabila ia menjadi saksi dalam urusan kewanitaan yang menjadi kebiasaan mereka melihatnya. Begitu juga hal berkenaan kesaksian dan keterangan. Kedua-dua istilah ini haruslah dibezakan kerana ianya mempengaruhi keputusan yang bakal diambil di dalam satu-satu kes.

## A. LATAR BELAKANG KAJIAN

Penghujung tahun 1998, tuduhan salah laku moral terhadap mantan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menggemparkan negara. Sepanjang sorotan penulis terhadap perjalanan perbicaraan kes liwat mantan TPM tersebut,<sup>4</sup> penulis dapati pihak pendakwa telah membawa saksi wanita bagi menyokong dakwaannya. Terlintas di minda penulis bahawa perkara tersebut bercanggah dengan prinsip pembuktian Islam. Oleh kerana perjalanan kes tersebut digembar-gemburkan secara besar-besaran di media massa; ia telah mendorong penulis untuk menyemak semula dan mendalami prinsip pembuktian melalui kaedah kesaksian menurut perspektif Islam khususnya berkait dengan kesaksian wanita.

---

<sup>4</sup> Lihat Dato' Seri Anwar Ibrahim *vñ. P.P* [2000] 2 CLJ 689-760 June PART 2.

Latar belakang saksi-saksi utama kes termasuk saksi lelaki yang bercelaru dan tidak mencapai tahap ‘*adālah* menjadi faktor penarik untuk penulis membuat perbandingan antara konsep kesaksian menurut Undang-undang Keterangan Islam dan Undang-undang Keterangan Sivil yang menjurus kepada kesaksian wanita. Sementelah pula kes liwat yang sepatutnya berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah bagi membicarakannya telah dibawa ke mahkamah sivil dengan alasan-alasan yang tidak munasabah. Momentum tersebut mendesak penulis supaya membuat kajian secara praktikal mengenai kesaksian wanita di kedua-dua jenis mahkamah dengan fokus pilihan lokasi di Kota Bharu.

Di samping itu, terdapatnya kritikan dan tohmahan berterusan pihak-pihak tertentu terhadap keadilan Islam dalam memberikan hak-hak kesaksian pada kaum wanita. Sekaligus menganggap ia satu bentuk diskriminasi dan penindasan terhadap kaum wanita. Hanya dengan isu kesaksian wanita (iaitu sebahagian kecil dari hukum Islam), mereka prejedis dengan mengatakan bahawa Islam tidak menghormati keintelektualan dan kewibawaan wanita serta merendah-rendahkan martabat wanita. Tohmahan-tohmahan tersebut menggamit penulis untuk mendedahkan peranan dan hak-hak wanita dalam Islam yang sentiasa relevan dengan fitrah suci kemanusiaan walau secara sepintas lalu.

Apa yang diharapkan selepas dari kajian ini ialah perjalanan perbicaraan sesuatu kes itu benar-benar berasaskan prinsip pembuktian yang berkualiti dan berwibawa agar tiada pihak yang mengambil peluang menganiaya pihak yang lemah.

## B. MASALAH KAJIAN

Antara masalah utama kajian ialah tiada langsung kes-kes yang melibatkan saksi wanita di Mahkamah Syariah Kota Bharu sekalipun di dalam kes yang disepakati ulama akan keharusan kesaksian mereka bagi menyabit kes seperti kes mal. Pada zahirnya, ia lebih memudahkan penulis menyiapkan kajian ini. Namun secara praktiknya, dari sudut usaha penulis untuk memerhati sendiri elemen-elemen yang wujud pada kesaksian wanita berdasarkan teori fiqh keterangan Islam seperti faktor *dābit* (kuat ingatan), kerasionalan dan lain-lain yang dikatakan mempengaruhi hukum kesaksian wanita; sedikit sebanyak ia agak mengecewakan penulis. Walaubagaimanapun, penulis cuba juga mendapatkan gambaran daripada informan-informan yang biasa berhadapan dengan kes-kes melibatkan kesaksian wanita (lebih tepat lagi: keterangan) seperti hakim dan peguam. Sudah tentu gambaran daripada orang lain tidak sama dengan pemerhatian sendiri.

Begini juga, walaupun penulis berpeluang memerhati beberapa kes yang melibatkan keterangan wanita di Mahkamah Sivil Kota Bharu, namun kelonggaran syarat-syarat saksi seperti saksi tidak dapat dipastikan tahap '*adālah*' dan *dābit* mereka; mengundang masalah untuk penulis membuat perbandingan sejauh mana faktor '*adālah* dan *dābit*' membezakan antara kesaksian lelaki dan wanita dalam kes-kes yang tidak diterima kesaksian wanita.

Pindaan EKMS 1991 kepada EKMS 2002 yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2003 menyebabkan penulis terpaksa mengubah komentar terhadap Enakmen tersebut. Sedangkan penulis telah pun menyiapkan disertasi ini pada 1 Ogos 2003.

## **C. OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif utama kajian ini ialah:

- 1) Menghuraikan prinsip-prinsip kesaksian secara umum dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi mengikut konsep keterangan dalam sistem Kehakiman Islam.
- 2) Menjelaskan prinsip-prinsip kesaksian wanita secara khusus serta hikmahnya berdasarkan al-Quran dan hadis Nabi S.A.W.
- 3) Meneliti prinsip-prinsip kesaksian wanita dalam perundangan sivil dan amalannya di mahkamah sivil mengikut Akta Keterangan 1950.
- 4) Mengkaji konsep keterangan wanita mengikut Enakmen Mahkamah Syariah Kelantan 2002 serta amalannya di mahkamah syariah.
- 5) Membuat perbandingan di antara prinsip-prinsip kesaksian yang digariskan oleh Islam dengan amalan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

## **D. KEPENTINGAN KAJIAN**

- 1) Mengemukakan saranan-saranan yang praktikal terhadap kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam amalan perundangan semasa agar bertepatan dengan perundangan Islam. Hal ini adalah penting untuk menegakkan kebenaran, melaksanakan keadilan, menyebarkan keamanan serta menolak kerosakan (kezaliman) di kalangan ummah.

- 2) Menyediakan satu rujukan ilmiah menurut perspektif Islam berkenaan topik kesaksian wanita secara khusus dan terperinci bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan proses pembentukan akta keterangan dan perlaksanaan prosiding kehakiman. Juga kepada para penyelidik, pelajar dan orang awam yang berminat mendalamai isu ini.
- 3) Menyedarkan masyarakat peri pentingnya kepekaan kita terhadap perjalanan sesuatu kes di mahkamah agar bertepatan dengan kehendak Allah dan RasulNya.

## E. ANGGAPAN DASAR SERTA HIPOTESIS

1. Menurut perspektif Islam tabiat wanita mudah terpengaruh dengan emosi. Berbeza tindakan kaum lelaki yang lebih berdasarkan logik akal. Oleh kerana kesaksian merupakan satu tanggungjawab yang berat iaitu melibatkan hak-hak orang lain maka peraturan keterangan Islam telah membezakan kesaksian lelaki dan wanita. Namun demikian, kesaksian seorang wanita adalah diterima dan dipegang oleh mahkamah apabila ia menjadi saksi dalam perkara-perkara atau urusan kewanitaan yang menjadi rutin hidupnya.
2. Persekutuan kehidupan wanita hari ini yang lebih bebas dan terbuka dalam pelbagai lapangan kehidupan menuntut ijтиhad-ijтиhad baru dalam menangani permasalahan yang mereka hadapi. Dalam konteks isu kesaksian wanita, adalah penting perbezaan antara *konsep kesaksian* dan *konsep keterangan* diketengahkan terlebih dahulu. Kefahaman terhadap dua konsep tersebut begitu signifikan dalam menyelaraskan perbezaan pandangan antara *fuqahā'* dulu dan sekarang.

## **F. SKOP KAJIAN**

Kajian dibuat berdasarkan fiqh perbandingan antara mazhab-mazhab yang diiktiraf sebagai Ahli Sunnah dan Jamaah. Fokus penyelidikan adalah spesifik berkenaan kesaksian wanita dan faktor-faktor yang mempunyai korelasi dengan topik tersebut. Kajian amalan dibuat terhadap statut-statut keterangan berhubung kesaksian wanita serta perlaksanaannya di mahkamah sivil dan syariah di Kota Bharu. Apa yang penting di sini ialah penelitian terhadap elemen kesaksian wanita yang di ambil kira bagi melayakkan mereka memberi kesaksian.

## **G. ULASAN PENULISAN (REVIEW OF LITERATURE)**

Penyelidikan ini bukanlah merupakan perintis kepada tajuk yang dikemukakan. Namun secara umumnya masih belum ada kajian khusus berhubung kesaksian wanita di peringkat Sarjana. Sehingga kini, boleh dikatakan semua penulisan yang sedia ada merupakan penulisan ilmiah di peringkat Ijazah Pertama di Fakulti Syariah, Universiti Malaya.

Pada tahun 1991, Mohd Shah Razali hanya menyinggung topik kesaksian wanita secara ringkas di dalam Kertas Projek beliau berjudul *Konsep Kesaksian Dalam Islam: Satu Kajian Mengenai Pemakaianya di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan*. Usaha memperinci serta mengkhususkan tajuk Kesaksian Wanita telah dimulakan pada tahun 1992 oleh Rohani Salleh dengan judul *Kesaksian Wanita Dalam Sistem Kehakiman Islam: Satu Kajian Di Mahkamah-mahkamah Kota Bharu* dan Mohd. Azli Adnan dengan tajuk *Kesaksian Wanita*:

*Prinsip Dan Amalannya Di Malaysia.* Tahun 1994 ia ditulis pula oleh Nor Rihan Ramli dengan tajuk *Kesaksian Wanita: Prinsip Dan Amalannya Di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu*. Kemudian pada tahun 1996, Ahlaami Abdul Halim menyusul dengan tajuk *Kesaksian Wanita: Satu Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Jenayah Islam Dan Undang-undang Jenayah Sivil*. Kali terakhir ditulis oleh Wan Shuhairan Wan Ahmad dengan tajuk *Syahadah Wanita: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1997* pada tahun 1998. Serentak dengan tulisan beliau, Suzana Ghazali menulis tajuk *Kesaksian Dan Keterangan : Benarkah Wanita Dianaktirikan Di Mahkamah Syariah? (Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan)*.

Boleh dikatakan pendekatan yang digunakan oleh semua penulisan di atas adalah hampir sama. Penulisan-penulisan tersebut menekankan konsep dan prinsip kesaksian wanita menurut perspektif Islam. Apa yang berbeza hanyalah dari sudut kajian amalan. Ada yang hanya memilih kajian pada statut-statut keterangan sahaja dan ada yang memilih untuk melihat fail-fail kes di mahkamah. Begitu juga terdapat perbezaan lokasi kajian antara penulisan tersebut sebagaimana yang boleh kita perhatikan pada tajuk Kertas Projek masing-masing. Perbezaan pandangan *fugahā'* terhadap kesaksian wanita juga masih belum diperincikan hingga ke tahap maksimum menurut kategori kes dan landasan hujjah masing-masing. Masih terdapat teori faktor yang berhubung rapat dengan kesaksian wanita tidak disentuh secara menyeluruh dan mendalam seperti fitrah kejadian wanita dan tabiat kesaksian.

Juga masih belum ada usaha dari para penyelidik terdahulu untuk melihat sendiri elemen-elemen yang wujud pada kesaksian wanita dengan menghadiri kes-kes melibatkan wanita sebagai saksi di mahkamah. Justeru, keberkesanan praktikal kepada teori kesaksian wanita yang dikemukakan oleh Islam tidak dapat digambarkan kepada umum.

Selain daripada latihan ilmiah di atas, perbincangan mengenai kesaksian wanita turut disentuh secara ringkas atau sepintas lalu melibatkan kedudukan dan kelayakan wanita sebagai saksi terutama dalam penulisan yang berkait dengan hal-ehwal wanita. Antaranya kitab *al-Mufassal fi Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah* karangan Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān, kitab *al-Sunnah al-Nabawiyah bayna Ahl al-Fiqh wa Ahl al-Hadīth* karangan Muhammad al-Ghazālī, tesis sarjana yang telah dibukukan iaitu *Penglibatan Wanita Dalam Politik Mengikut Perspektif Islam* karangan Hibah Rauf Izzat, kitab *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qānūn* karangan Dr. Muṣṭafā al-Sibā'i, buku *Muhammad S.A.W., Ensiklopedia Sirah: Peranan Wanita Islam* karangan Afzalur Rahman dan buku *Martabat Wanita Di Dalam Islam* karangan Prof. Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī.

Tumpuan pada subjek tertentu berhubung kesaksian wanita pula pernah ditulis oleh Dr. Mohd Daud Bakar di dalam kertas kerjanya bertajuk *Kedudukan Wanita Dalam Undang-undang Keterangan Islam Di Bawah Peruntukan Ayat 282 al-Baqarah*. Kertas kerja ini telah dibukukan di dalam *Al-Ahkām: Penghakiman Dan Kepeguanan* dengan editornya Ahmad Ibrahim.

Penulisan terkini yang banyak memberi panduan kepada penulis mengembangkan perbahasan dalam bentuk fiqh perbandingan ialah karya Prof. Dr. Muḥammad Ḥasan Abū Yahyā yang diterbitkan pada tahun 1997 oleh Dār al-Yāzūrī al-‘Ilmiyyah di Amman, Jordān. Karya beliau diterbitkan dalam 3 jilid dengan tajuk masing-masing ialah: Jilid Pertama bertajuk *Ḥukm Syahādah al-Nisā’ fī mā yaṭṭali’na ‘alayhi ghāliban fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*. Jilid Kedua diberi tajuk *Ḥukm Syahādah al-Nisā’ fī al-‘Uqūbāt fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*. Jilid Ketiga dengan judul *Ḥukm Syahādah al-Nisā’ fī mā siwā al-‘Uqūbāt mimmā yaṭṭali’ ‘alayhi al-Rijāl*. Tumpuan penulisan ini ialah pada teori perbandingan antara mazhab dan *fuqahā’* serta diselitkan juga dengan teori kesaksian orang kafir.

Berdasarkan ulasan penulisan di atas, boleh dikatakan bahawa disertasi penulis ini merupakan lanjutan kepada penulisan sedia ada namun dalam bentuk dimensi penulis sendiri. Antaranya ialah data-data berkenaan fitrah kejadian wanita menurut kajian sains dikombinasikan dengan asas yang dikemukakan oleh al-Quran dan hadis telah diperdalamkan. Penulis juga merujuk secara langsung pandangan ulama muktabar melalui sumber asal tulisan mereka berhubung topik kesaksian wanita. Seterusnya memperincikan dalil-dalil yang menjadi sandaran pendapat. Walaubagaimanapun tidak dinafikan penulisan-penulisan yang tersebut di atas telah banyak membantu penulis dalam mengembangkan idea perbincangan dan memperdalamkan perbahasan.

## **H. METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Di dalam menyiapkan disertasi ini penulis telah memilih beberapa metode bagi pengumpulan data dan analisis data.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

#### **1. Kaedah Kajian Perpustakaan**

Melalui metode ini penulis dapat mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan bacaan terutamanya yang berkaitan dengan kaedah kesaksian dalam Undang-undang Keterangan Islam dan undang-undang sivil. Bahan-bahan ini kebanyakannya terdiri daripada kitab-kitab tafsir, kitab hadis, kitab fiqh, jurnal, disertasi, kertas projek, buku-buku berkenaan undang-undang sivil dan sebagainya. Selain daripada himpunan kitab peribadi yang dimiliki penulis, penulis juga mendapat kemudahan daripada perpustakaan-perpustakaan di Kota Bharu dan Kuala Lumpur. Di antara perpustakaan yang menjadi rujukan dan penyelidikan penulis ialah:

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan APIUM, Lembah Pantai.
- c) Perpustakaan al-Malik Faisal APIUM, Nilam Puri.
- d) Perpustakaan Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu.
- e) Perpustakaan Awam, Kota Bharu, Kelantan.
- f) Perpustakaan Dar Nur al-Zahra, Kota Bharu.
- g) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

Penulis juga menggunakan kemudahan internet bagi menambah bahan rujukan melalui laman-laman web bersifat ilmiah dan CD-Rom ilmiah.

## **2. Metode Berdoktrin**

Metode ini adalah merupakan metode utama yang meletakkan asas yang bersumberkan dalil naqli yang bersifat suci terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi S.A.W sebagai satu pegangan dan idealisme penulis.

## **3. Metode Dokumentasi**

Metode Dokumentasi bermakna melihat dokumen-dokumen yang ada kaitan dengan tajuk yang dikaji. Dalam menyiapkan disertasi ini, penulis mengkaji dan menganalisis segala dokumen yang berbentuk catatan-catatan buku, kitab dan sebagainya yang berkaitan dengan tajuk kajian.

## **4. Metode Temubual**

Melalui metode ini penulis telah menemubual beberapa orang yang terlibat secara langsung dalam bidang berkaitan secara formal dan tidak formal. Informan-informan tersebut terdiri daripada hakim Mahkamah Sivil Kota Bharu, hakim Mahkamah Syariah Kota Bharu, pendaftar Mahkamah dan peguam-pegawai.

## **5. Metode Pengamatan**

Melalui metode ini, penulis memberikan perhatian kepada permasalahan yang dikaji serta membuat catatan dan analisis untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan berkenaan. Seterusnya penulis juga menggunakan metode ini mengkaji pengumpulan data bagi maklumat yang telah dikumpul.

## **6. Metode Observasi**

Metode ini digunakan untuk menguatkan lagi data-data kajian yang diperolehi melalui metodologi sebelumnya. Penulis melakukannya dengan cara meneliti terlebih dahulu teori-teori yang dikanunkan di dalam statut-statut keterangan. Seterusnya menghadiri dan melihat sendiri proses perlaksanaannya di mahkamah-mahkamah.

## **Kaedah Menganalisa Data**

Dalam metode ini penulis mengolah semua data yang telah dikumpul dan mengkjinya secara teliti. Kaedah penganalisaan data dilakukan oleh penulis kemudiannya. Melalui cara ini juga penulis banyak menganalisis data melalui metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

### **1. Metode Induktif**

Penganalisaan data dibuat oleh penulis dari data-data melalui pola berfikir bagi mencari bukti dan keterangan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini dipraktikkan di dalam Bab Dua dan Bab Tiga Fasal II.

### **2. Metode Deduktif**

Kaedah ini adalah kaedah menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat umum untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat khusus. Kaedah ini banyak digunakan terutama di dalam Bab Satu, Bab Dua, Bab Tiga dan Bab Empat.

### **3. Metode Komparatif**

Metode ini digunakan oleh penulis untuk membuat perbandingan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa pengkajian dibuat. Metode Komparatif digunakan tatkala membuat rumusan terhadap hak-hak dan peranan wanita antara peradaban dan agama di dalam Bab Dua. Juga digunakan di dalam Bab Tiga terutama dalam membandingkan pendapat dan hujjah antara *fuqahā'*. Metode ini menjadi tunjang utama dalam memproses data-data di dalam Bab Empat. Perbandingan telah dibuat terhadap Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003. Seterusnya perbandingan antara amalan di Mahkamah Sivil Kota Bharu dan Mahkamah Syariah Kota Bharu dikemukakan.